

Ucapan Y.B.Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn,
di-Pembukaan Resmi Sekolah Menengah Pulau Nyior,
Jitra, Kedah pada 31.3.71 pukul 9.00 pagi

Saya merasa amat bertuah pagi ini dapat hadir untuk melakukan Upacara Pembukaan Resmi sekolah ini. Sekolah ini yang lahir sejak tahun 1962 adalah merupakan sekolah yang pesat pembangunan-nya. Dari sejarah permulaan-nya menumpang di-Sekolah Kebangsaan Jitra, ia-nya telah mendapat bangunan sendiri di-tempat yang ada sekarang ini pada tahun 1963. Dari sebuah bangunan sendiri yang mempunyai 7 buah bilek darjah pada tahun itu telah meningkat kepada 4 buah bangunan dengan 21 buah bilek darjah seperti yang ada pada hari ini di-samping kemudahan2 Bilek Sains Rumah Tangga, Seni Perusahaan dan Makmal Sains. Kerajaan telah membelanjakan \$216,385.00 untuk membina sekolah ini. Sekolah ini juga telah di-perlengkapkan dengan padang permainan yang luas sejak dua tahun yang lalu dan kini sebuah bangunan khas Makmal Sains sedang giat di-bina. Saya juga di-fahamkan bahawa pada tahun lalu seramai 156 orang penuntut2 telah menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia untuk pertama kali-nya di-sini. Semua yang saya sebutkan ini adalah di-antara hal2 lain yang menunjukkan kepesatan kemajuan sekolah ini dalam usia-nya yang paling muda ini.

Berhubung dengan kemajuan pelajaran, dari laporan Guru Besar mengenai Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, saya dapat mengatakan bahawa sabagai sebuah sekolah yang muda dan sedang membangun, kemajuan saumpama itu boleh-lah di-banggakan. Dan menyentoh bidang kemajuan pelajaran, saya suka menarek perhatian kepada reaksi satinggal awal tahun di-mana timbul berbagai pendapat dan kelohan mengenai kemundoran penuntut2 berdasarkan berbagai peperiksaan seperti Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran. Memanglah hal ini wajar di-beri perhatian terutama oleh pihak2 yang terlibat sechara langsung dengan perkara ini, baik Kementerian saya sendiri, guru2 dan ibu

bapa. Dalam bubongan kemajuan pelajaran penuntut2 satu hal yang perlu di-sedari bahawa bidang ini tidak tergantung kepada mana2 satu pihak sahaja.

Ia-nya berpadu erat dari semua pihak dan kerana itu setiap pihak yang berkenaan tadi perlu menyedari dengan jujur dan penuh tanggung-jawab akan peranan masing2. Saya perchaya satakata ini semua pihak pun menunaikan tanggung-jawab masing2, dan dalam pada itu saya rasa perlu menyeru supaya peranan sa-umpama itu dikuatkan lagi. Maseh terdapat sagolongan kechil yang berkeyakinan bahawa soal pelajaran samata2 terletak di-dalam tangan pihak sekolah. Anggapan ini tentu-lah tidak benar kerana terutama bagi kebanyakan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan asrama penuh, masa penuntut2 berada di-sekolah adalah terlalu singkat di-bandingkan dengan masa yang di-habiskan oleh penuntut2 di-rumah masing2. Untuk itu peranan ibu bapa dan kejujoran penuntut2 sendiri adalah perlu untuk mengator masa lapang. Dan dalam hubungan kemajuan pelajaran penuntut2, kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan pihak sekolah amat perlu.

Dalam zaman yang memerlukan kemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi ini, memanglah menjadi dasar Kementerian saya untuk memajukan pengajaran mata pelajaran tersebut di-sekolah2. Pembinaan bangunan Makmal Sains yang baharu di-sekolah ini adalah sabahagian dari maksud tersebut. Bila menyebut bidang kemajuan pelajaran Sains ini bukan-lah bermaana jurusan Sastera di-ketepikan. Jabatan yang menghubungkan perpaduan dan keharmonian antara kaum tidak dapat di-bina oleh sains kejuruteraan. Jurusan Sastera boleh memainkan peranan yang penting dalam bidang ini. Akan tetapi tumpuan kepada jurusan sastera ada bahaya-nya terutama untuk negara kita yang sedang membangun. Selama ini bidang sastera terlalu banyak di-tumpui sahingga menjadikan kedudukan di-antara sastera dan sains tidak saimbang. Kita kekurangan ahli dalam bidang Sains dan Teknologi dan kerana itu kita perlu mengatasi-nya.

Kementerian saya adalah sedar bahawa kita menghadapi masaalah kekurangan tenaga pengajar untuk pelajaran Ilmu Hisab dan Sains. Untuk mengatasi masa'alah itu, Kementerian telah, sedang dan akan menjalankan berbagai ikhtiar. Kita telah mengambil beberapa ramai guru2 dari negara tetangga kita Indonesia dan baru2 ini satu rombongan baru sahaja balek dari Indonesia untuk menemu-duga guru2 yang bakal di-ambil mengajar di-sini. Kementerian saya akan menjalankan langkah2 pesat memberi latihan kepada guru2 mata pelajaran tersebut. Saya berharap sekolah ini juga akan mendapat faedah dari guru2 saumpama itu pada masa akan datang sebagai memenohi kekurangan guru2 dalam bidang itu sekarang ini.

Berhubung dengan Bahasa Malaysia sabagai bahasa pengantar pelajaran hingga ka-peringkat tinggi, langkah2 pelaksanaan-nya sedang berjalan dengan pesat. Universiti Kebangsaan menjadi bakti yang nyata ka-arrah mengisi hasrat tersebut. Pusat2 Pengajian Tinggi yang lain juga, Universiti Malaya mithal-nya, mengator langkah2 yang dinamik ka-arrah menggunakan Bahasa Malaysia sabagai pengantar pelajaran.

Bahasa Malaysia memang boleh di-gunakan dalam apa juga bidang ilmu pengetahuan, saperti mana juga bahasa2 lain - Inggeris, Peranchis, Jepun dan sabagai-nya. Penggunaan bahasa Indonesia yang telah lama di-jalankan di-Indonesia dan Bahasa Malaysia di-pusat2 pengajian tinggi di-dalam negara kita hari ini jelas membuktikan keutuhan Bahasa Malaysia itu. Walau pun Bahasa Malaysia dalam masa tidak lama lagi akan mengambil tanggung-jawab yang penoh menggantikan Bahasa Inggeris dalam bidang pelajaran, kita tidak dapat menafikan mustahak-nya penuntut2 mengetahui lain2 bahawa di-samping Bahasa Malaysia. Dalam pada itu Bahasa Inggeris penting di-pelajari sabagai bahasa kedua. Untuk memperluaskan dan meninggikan lagi mutu ilmu pengetahuan kita, saya berseru kepada penuntut2 supaya memberi perhatian yang berat kepada mata pelajaran bahasa itu saperti juga untuk mata2 pelajaran yang lain.

Minggu ini kita semua merayakan Minggu Muhibbah dan Perpaduan; oleh itu saya menyeru tiap2 orang murid di-sekolah ini dan di-seluruh negara agar mengambil bahagian dan mengamalkan apa yang di-pelajari saminggu ini selama2-nya.



No. Siri	17
No. Penerimaan	17/80